



SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI UDANG

Jalan Yadi,
41250 Klang,
Selangor Darul Ehsan.
KOD SEK : BBA0026

No. Tel & Faks : 03-3371 5071
e-mail : bba0026@btpls.edu.my
: 1govuc/BBA0026.edu
L.Web: http://sksu.edu.my



Ruj. Kami : SKSU 800-2/1/6 (52)
Tarikh : 14 Januari 2019

Kepada,
Ibubapa / Penjaga Murid Tahun 3, 4, 5 & 6,
Sekolah Kebangsaan Sungai Udang,
Jalan Yadi, 41250 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN AKTIVITI KOKURIKULUM MINGGUAN BAGI TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Unit Kokurikulum Sekolah Kebangsaan Sungai Udang, Klang akan menjalankan aktiviti Kokurikulum mingguan pada setiap hari Rabu mulai 16 Januari 2019 ini. Berikut adalah maklumat berkaitan :-

TAHUN 3	TAHUN 4, 5 & 6
<u>Hari</u> Hari Rabu pada setiap minggu	<u>Hari</u> Hari Rabu pada setiap minggu
<u>Masa</u> 11.45 pagi – 12.45 tengah hari	<u>Masa</u> 3.45 petang – 6.00 petang
<u>Tempat Berkumpul</u> Dewan Wawasan SKSU	<u>Tempat Berkumpul</u> Dewan Wawasan SKSU
<u>Pakaian Murid</u> Baju Unit Beruniform atau pakaian sukan (Tertakluk kepada aktiviti yang dijalankan)	<u>Pakaian Murid</u> Baju Unit Beruniform atau pakaian sukan (Tertakluk kepada aktiviti yang dijalankan)

3. Kehadiran aktiviti Kokurikulum adalah **wajib** bagi semua murid yang terlibat. Sebarang pembatalan atau perubahan aktiviti tertakluk kepada takwim persekolahan dan akan dimaklumkan kepada murid kelak.

4. Sehubungan itu, ibu/bapa/penjaga diminta untuk melengkapkan Borang Kebenaran yang dilampirkan dan diserahkan semula kepada guru kelas anak jagaan masing-masing pada atau sebelum 16.01.2019 (Rabu).

5. Dipohon agar ibubapa/penjaga dapat mengambil anak tepat pada masa yang ditetapkan sebagai langkah keselamatan.

Kerjasama tuan/puan membenarkan anak jagaan melibatkan diri di dalam program yang dirancang oleh pihak sekolah amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"SKSU CEKAP DAN EFEKTIF"
"KLANG CEMERLANG, KLANG TERBILANG"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

[Signature]
NORSHAHIMA BINTI NORDIN

Penolong Kanan Kurikulum

b.p. Guru Besar

Sekolah Kebangsaan Sungai Udang

Jalan Yadi, Klang

Kepada:
Guru Besar,
Sekolah Kebangsaan Sungai Udang,
Jalan Yadi, 41250 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : _____

Tuan/Puan,

**KEBENARAN MENYERTAI AKTIVITI KOKURIKULUM MINGGUAN
PADA SETIAP HARI RABU MULAI 16 JANUARI 2019**

Saya ibubapa/penjaga kepada murid
yang bernama dari Tahun
..... membenarkan / tidak membenarkan anak / jagaan saya
menyertai aktiviti Kokurikulum mingguan pada setiap hari Rabu seperti yang telah dinyatakan di atas.

2. Saya faham pihak sekolah telah pun memberi segala penerangan dan mengambil langkah-langkah keselamatan sepanjang kegiatan tersebut dijalankan.

3. Saya bersetuju untuk memaklumkan kepada pihak sekolah sekiranya terdapat apa-apa perubahan kesihatan atau keadaan fizikal anak jagaan sebelum tarikh kegiatan berkenaan dijalankan. Saya juga telah memastikan bahawa anak jagaan saya faham akan setiap peraturan dan arahan yang diberikan oleh pihak sekolah dan guru pengiring supaya iaanya hendaklah dipatuhi bagi memastikan keselamatan anak jagaan saya.

4. Saya juga membenarkan pihak pengurusan/pengelola atau wakilnya mendapatkan pertolongan cemas atau perubatan untuk anak/jagaan saya sekiranya diperlukan.

Sekian, terima kasih.

.....
(Tandatangan Ibubapa/Penjaga)

Nama Penuh :

No Kad Pengenalan :

No Telefon Rumah/Bimbit :

Alamat Rumah :